

Nelayan bimbang hidupan laut di perairan Sungai Rengit terjejas

8 H 23/06/24 MIS 14

Penduduk minta bersihkan segera tompokan minyak elak rugi tiada hasil tangkapan

Oleh Qmar Ahmad
bhnews@bh.com.my

Kota Tinggi: Nelayan di Kampung Sungai Rengit bimbang tumpahan minyak yang menyebabkan perairan berkenaan tercemar ketika ini boleh menjelaskan hidupan marinnya yang kaya dengan lobster atau udang kara.

Nelayan, Mohd Ezuan Shafie, 42, yang sudah bergelar nelayan laut selama 20 tahun berkata, dia dan rakan nelayan lain sangat bimbang dengan kejadian itu kerana baginya hanya laut menjadi sumber rezeki.

Katanya, tompokan minyak di laut sememangnya hanya berada di permukaan, namun sekiranya tidak diatasi dengan pantas dan betul, ia dikhuatiri akan menjelaskan hidupan laut, terutama lobster yang menjadi ikon kawasan ini, terjejas.

"Nelayan risau, bukan sahaja risau untuk turun laut kerana takut peralatan rosak, tetapi risau juga dengan kehidupan laut yang



Kerja pembersihan tumpahan minyak giat dilakukan di perairan Sungai Rengit, Pengerang, Johor.

(Foto Nur Aisyah Mazalan/BH)

menjadi sumber utama kami. Di kawasan ini terkenal dengan lobster, perairan ini kaya hidupan itu.

Lima hari tak ke laut

"Buat masa ini, sudah lima hari tidak ke laut, kita nak lihat pusinan tumpahan minyak sebanyak mana yang merapat ke pesisir pantai."

"Kalau boleh minta pihak berwajib segera bertindak. Hari ini (semalam) pun kita dapat lihat ada kerja pembersihan oleh kontraktor sejak pagi tadi (semalam)."

"Sebelum ini pun ada pegawai Jabatan Alam Sekitar (JAS) datang membuat pemantauan. Kita harap sangat keadaan seumpama ini tidak berlarutan," katanya ketika ditemui di Pengkalan Nelayan Jeti Sungai Rengit di sini, semalam.

Seorang lagi nelayan, Hidayat Isa, 34, berkata ketika ini memang musim hasil laut banyak diperoleh.

Namun katanya, komuniti nelayan di sini pasrah apabila tidak lagi dapat ke laut sejak lima hari

lalu kerana kawasan perairan yang dicemari minyak.

"Kawasan pantai tempat kita mencari rezeki penuh dengan minyak, terlambau banyak minyak. Hampir seminggu bermula tumpahan minyak di negara jiran pada minggu lalu sampai hari ini (semalam)."

"Sebelum ini ada tompokan minyak di tengah laut, sekarang sudah menghampiri pantai. Di sini ada nelayan pesisir pantai, ada nelayan laut dalam, kami semua terjejas."

“Nelayan risau, bukan sahaja risau untuk turun laut kerana takut peralatan rosak, tetapi risau juga dengan kehidupan laut yang menjadi sumber utama kami. Di kawasan ini terkenal dengan lobster, perairan ini kaya hidupan itu”

Mohd Ezuan Shafie,
Nelayan



"Peralatan yang kita gunakan bukan murah, jadi kalau semuanya terkena minyak seperti pukat, pelampung, jaring dan tali memang langsung tidak boleh digunakan, kena buang kalau kena minyak."

"Memang rugi sebab tidak dapat turun ke laut sudah lima hari. Hasil tangkapan sehari tidak menentu dan dengan keadaan sekarang musim ikan, udang banyak, jadi mungkin kerugian seminggu hampir RM7,000," katanya.